

**Jangan asyik hentam, mana terima kasih, soal menteri**  
**The Malaysian Insider**  
**August 4, 2015**  
**Oleh Nabihah Hamid**

Pengguna media sosial yang kerap mengkritik kerajaan hari ini diingatkan supaya tidak bersifat negatif dan sebaliknya berterima kasih apabila harga minyak diisytiharkan turun.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Hamzah Zainudin membidas mereka yang menghentam kerajaan sehari sebelum penurunan harga minyak 1 Ogos lalu.

Katanya, beliau kesal dengan sikap pengguna yang disifatkannya negatif meskipun ketika itu masih belum mengetahui keputusan harga minyak sebenar yang akan dikuatkuasakan.

Hamzah berkata, lebih menyedihkan apabila Putrajaya memutuskan menurunkan harga minyak RON95, RON97 dan diesel, pengguna media sosial masih tidak berterima kasih.

"Minggu lepas harga minyak turun. Sebelum itu mereka hentam kerajaan macam-macam. Sehingga merosakkan pemikiran rakyat.

"Harga dah turun, saya nak tanya, siapa ada baca media sosial yang mengatakan terima kasih kerajaan, tahniah kerajaan, ada?," katanya pada sidang media selepas menghadiri jamuan Aidilfitri Maktab Koperasi Malaysia di Petaling Jaya, hari ini.

Katanya, sikap tersebut menunjukkan mereka hanya fokus pada perkara negatif saja, manakala peranan kerajaan yang positif dalam membantu rakyat secara keseluruhannya tidak diambil kira.

"Saya tidak kata kena ucap terima kasih pada menteri, yang amat berhormat perdana menteri dan ahli kerajaan. Tidak perlu.

"Tetapi sekurang-kurangnya mereka perlu tahu, kerajaan sebenarnya kerajaan berhemah, untuk kepentingan kita bersama," katanya yang juga ahli Parlimen Larut.

Pada 31 Julai lalu, tersebar di media sosial mesej mengatakan RON95 mengalami kenaikan sebanyak 25 sen, RON97 naik 35 sen dan diesel pula naik 30 sen berkuatkuasa 1 Ogos.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menafikan mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung perkara itu, menyatakan sebarang perubahan harga hanya akan diketahui pengguna pada jam 12.01 pagi.

Kerajaan kemudiannya mengumumkan harga runcit petrol RON95, RON97 dan diesel

turun 10 sen seliter bagi Ogos. – 4 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jangan-asyik-hentam-mana-te-rima-kasih-soal-menteri>